

# MENDEPANI EKSTREMISME MELALUI PENDEKATAN AHLI SUNAH WALJAMAAH BERTERASKAN *WASATIYYAH*

Muhammad Rashidi Wahab, Mohd Hasrul Shuhari, Mohd Fauzi Hamat

## ABSTRACT

*Extremism is a global threat encountered by all countries including the Islamic realm. The emergence of various terrorist groups such as ISIS that exploit Islamic reputation has influenced many through their propaganda. This has also transpired in Malaysia after many Malaysians were arrested for enlisting and advocating the jihad of ISIS. Hence, this paper aims to present the approaches of Ahli Sunah Waljamaah as the most authoritative sect as well as the significant sect of Muslims in Malaysia in the challenge of extremism based on the content analysis method. The results of the research show that this sect holds a strong methodology and principle to deal with the threat of extremism which is through the wasatiyyah approach. This approach has successfully dispensed the threat of extremism in Islamic history. Consequently, Muslims in Malaysia must reject any element of extremism that contradicts the concept of wasatiyyah, following the fatwa issued.*

*Keywords: Ahli Sunah Waljamaah, extremism, ISIS, wasatiyyah, Malaysia*

## ABSTRAK

Ekstremisme merupakan ancaman global yang dihadapi oleh semua negara termasuklah dunia Islam. Kemunculan pelbagai kumpulan pengganas seperti ISIS yang menggunakan nama Islam telah menyebabkan ramai yang terpengaruh dengan propaganda mereka. Perkara ini turut berlaku di Malaysia apabila terdapat sejumlah rakyat Malaysia yang ditangkap kerana menyertai dan menyokong perjuangan jihad ISIS. Oleh itu, berdasarkan analisis kandungan dokumen, makalah ini bertujuan mengemukakan pendekatan Ahli Sunah Waljamaah bagi mendepani ekstremisme, memandangkan Ahli Sunah Waljamaah merupakan mazhab paling muktabar dan selari dengan pegangan majoriti umat Islam di Malaysia. Hasil penelitian menunjukkan bahawa Ahli Sunah Waljamaah mempunyai metodologi dan prinsip yang kukuh bagi

mendepani ancaman ekstremisme iaitu melalui pendekatan *wasatiyyah*. Pendekatan ini telah berjaya menangani ancaman ekstremisme yang berlaku dalam sejarah umat Islam. Disebabkan itu, umat Islam di Malaysia perlu menolak sebarang elemen ekstremisme yang bercanggah dengan *wasatiyyah*, sesuai dengan fatwa yang dikeluarkan.

Kata kunci: *Ahli Sunah Waljamaah, ekstremisme, ISIS, wasatiyyah, Malaysia*

## **PENDAHULUAN**

Ekstremisme merupakan ancaman yang sedang dihadapi oleh seluruh dunia, tidak terkecuali dunia Islam. Setiap negara perlu mengambil tindakan yang komprehensif bagi menanganinya agar keamanan dan kestabilan negara masing-masing terus terpelihara. Begitu juga di rantau Nusantara khususnya Malaysia, ekstremisme turut memberi ancaman yang besar kepada ketenteraman awam dan keselamatan negara. Perkara ini dinyatakan secara jelas dalam Dasar Keselamatan Negara 2021-2025 oleh Majlis Keselamatan Negara (2021) dan Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam oleh Kementerian Dalam Negeri (2019), yang turut menekankan perlunya pendekatan terbaik bagi mendepani ancaman ekstremisme agar ia dapat disekat daripada mempengaruhi rakyat.

Dalam hal ini, pendekatan berteraskan agama Islam yang sebenar menjadi suatu yang sangat penting memandangkan majoriti rakyat Malaysia adalah Muslim, apatah lagi isu ekstremisme mempunyai kaitan yang rapat dengan penyalahgunaan dan kesalahfahaman terhadap ajaran Islam. Justeru, makalah ini bertujuan untuk mengetengahkan pendekatan Ahli Sunah Waljamaah, yang merupakan mazhab paling muktabar, dalam mendepani ancaman ekstremisme atau radikalisme. Perkara ini juga selari dengan pegangan majoriti umat Islam seluruh dunia yang bermazhab Ahli Sunah Waljamaah. Sebagai permulaan, makalah ini akan menyoroti terlebih dahulu secara ringkas siapakah mereka Ahli Sunah Waljamaah dengan penekanan dalam konteks di Malaysia.

## AHLI SUNAH WALJAMAAH KONTEKS MALAYSIA

Sorotan menunjukkan bahawa istilah Ahli Sunah Waljamaah telah lama wujud dalam sejarah umat Islam. Ibn ‘Abbas RA (m. 68H) contohnya, dilaporkan pernah menggunakan istilah Ahli Sunah Waljamaah ketika menafsirkan ayat 106 dari surah ali-‘Imran (Ibn Kathir, 1999: 3/92). Namun penggunaan istilah Ahli Sunah Waljamaah secara meluas bermula ketika berlaku fitnah dalam kalangan umat Islam dengan kemunculan pelbagai aliran pemikiran menyeleweng sekitar tahun 200-300 Hijrah. Justeru, istilah Ahli Sunah Waljamaah ditonjolkan oleh para ulama bagi membezakan antara ajaran Islam yang sebenar dengan pelbagai aliran pemikiran menyeleweng seperti Shi‘ah, Khawarij, Mu‘tazilah dan lain-lain yang turut mendakwa mereka juga membawa ajaran Islam yang sebenar.

Selain Imam Ahmad ibn Hanbal (m. 241H), antara tokoh utama yang paling menonjol dalam mazhab Ahli Sunah Waljamaah ialah Imam Abu al-Hasan al-Ash‘ari (m. 330H) dan Imam Abu Mansur al-Maturidi (m. 333H). Mereka telah mempertahankan akidah Islam yang sebenar sehingga nama Ahli Sunah Waljamaah menjadi masyhur dan diikuti majoriti umat Islam. Disebabkan itu, Ahli Sunah Waljamaah didefinisikan sebagai kumpulan majoriti umat Islam yang mengikuti jejak langkah Rasulullah SAW, serta para sahabat, dalam memahami dan mempraktikkan Islam, iaitu dengan pengikut Asha‘irah dan Maturidiyyah menjadi aliran terbesar dalam Ahli Sunah Waljamaah (al-Zabidi, 1989).

Bagi menjelaskan Ahli Sunah Waljamaah, para ulama seperti al-Baghdadi (T.th: 241-266) telah menyenaraikan prinsip-prinsip Ahli Sunah Waljamaah yang perlu menjadi pegangan umat Islam. Namun dalam konteks dan cabaran hari ini, prinsip Ahli Sunah Waljamaah dapat dirumuskan kepada: Berpegang dengan ajaran Islam yang sebenar, atau hakikat ilmu yang sebenar, secara menyeluruh; golongan majoriti umat Islam (*al-Sawad al-A‘zam*), yang juga majoriti ulama; berpegang teguh dengan dalil *naqli* serta diperkuatkan oleh dalil *‘aqli*; berpegang dengan aliran atau mazhab muktabar dalam akidah, syariah dan tasawuf; menjadi golongan yang lurus-benar dan juga adil-seimbang atau *wasatiyyah*.

Apa yang pasti, kekuatan metodologi dan prinsip Ahli Sunah Waljamaah tersebut berjaya memelihara akidah umat Islam, sekali gus berupaya mendepani kelompok ekstrem pada ketika itu sama ada daripada aliran literalis seperti Khawarij dan Hashawiyyah atau aliran liberalis seperti Mu'tazilah. Disebabkan itu, Ahli Sunah Waljamaah terus berkembang dengan pesat dan diterima oleh umat Islam di seluruh dunia sehingga kini. Perkara ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh The Royal Islamic Strategic Studies Centre (2010: 17) yang menunjukkan bahawa Ahli Sunah Waljamaah merupakan aliran majoriti umat Islam yang mewakili 90 peratus daripada keseluruhan umat Islam di dunia.

Dalam konteks Nusantara khususnya Malaysia pula, tanpa berhasrat memperincikan sejarah, Ahli Sunah Waljamaah mula bertapak sejak awal kedatangan Islam di rantau ini lagi. Dimaksudkan dengan Ahli Sunah Waljamaah di sini adalah; dari aspek akidah adalah merujuk kepada aliran Asha'irah, dari aspek syariah merujuk kepada mazhab Shafi'i, dan dari aspek tasawuf merujuk kepada tokoh muktabar seperti Imam al-Ghazali (m. 505H). Keadaan ini menjadikan Malaysia sebuah negara yang seragam dan kukuh dalam pegangan beragama, seterusnya secara tidak langsung memberi sumbangan kepada kestabilan susunan politik, masyarakat dan perpaduan ummah (Abdul Shukor, 1998: 7).

Disebabkan itu, sekalipun Perlembagaan Persekutuan hanya menyebutkan Islam adalah agama bagi Persekutuan (Perkara 3(1)), namun negeri-negeri sama ada melalui undang-undang tubuh, enakmen, fatwa atau polisi yang diguna pakai secara jelas menafsirkannya sebagai Ahli Sunah Waljamaah (Muhammad Rashidi & Mohd Fauzi, 2018: 1-37). Malah terdapat negeri seperti Kelantan contohnya yang memperincikan lagi maksud Ahli Sunah Waljamaah dalam undang-undang tubuh negeri mereka kepada: *"Ahlu's Sunnah wal Jamaah maknanya ialah mazhab Abu Al-Hassan Al-Asha'ri dan Abu Mansoor Al-Maturidi dan orang yang mengikut jejak langkah keduanya."* (Kerajaan Negeri Kelantan, 2008: 59).

Justeru, pengiktirafan terhadap Ahli Sunah Waljamaah khususnya aliran Asha'irah di Malaysia sebagai satu pegangan rasmi umat Islam telah ditegaskan oleh kerajaan pusat melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Pengiktirafan terhadap Ahli Sunah Waljamaah merupakan satu

langkah terbaik demi menjaga kemaslahatan dan perpaduan umat Islam di Malaysia. Oleh itu, Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) yang bersidang pada 5 Mei 1996, ketika membincangkan tentang Shi'ah di Malaysia, telah membuat beberapa ketetapan berkaitan Ahli Sunah Waljamaah sebagai mazhab yang diiktiraf sebagaimana berikut:

1. Menetapkan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunah Waljamaah dari segi akidah, syariah dan akhlak.
2. Menyokong dan menerima cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan negeri-negeri bagi peruntukan dengan nyata bahawa agama bagi Persekutuan dan negeri-negeri hendaklah agama Islam berasaskan pegangan Ahli Sunah Waljamaah dari segi akidah, syariah dan akhlak.
3. Memperuntukkan pindaan kepada semua undang-undang dan hukum syarak bagi menyelaraskan takrif hukum syarak atas Undang-undang Islam seperti berikut: Hukum Syarak atau Undang-undang Islam bererti Undang-undang Islam yang berasaskan kepada pegangan Ahli Sunah Waljamaah dari segi akidah, syariah dan akhlak.
4. Memperakukan bahawa ajaran Islam yang selain daripada Ahli Sunah Waljamaah adalah bercanggah dengan hukum syarak dan Undang-undang Islam dan demikian penyebaran apa-apa ajaran yang lain daripada pegangan Ahli Sunah Waljamaah adalah dilarang.
5. Menetapkan bahawa semua umat Islam di negara ini adalah tertakluk kepada Undang-undang Islam dan hukum syarak yang berasaskan pegangan ajaran Ahli Sunah Waljamaah sahaja.
6. Menetapkan bahawa penerbitan, penyiaran dan penyebaran buku, risalah, filem, video dan lain-lain berhubung dengan ajaran Islam

yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunah Waljamaah adalah diharamkan (JAKIM, 2015: 8-9).

Penetapan ini penting sebagaimana yang disebutkan dalam buku Ajaran Sesat: Merungkai Kekusutan & Kecelaruhan terbitan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS, 2015: 66-71) bahawa: *“Kerajaan berperanan untuk membentuk rakyatnya melalui undang-undang, peraturan atau ketetapan tertentu. Lazimnya, rakyat akan mengikut segala ketetapan pemimpin atau negaranya. Sekiranya negara tersebut merupakan negara Ahli Sunah Waljamaah, maka majoriti rakyatnya adalah dalam kalangan Ahli Sunah Waljamaah. Sekiranya negara tersebut merupakan negara Syiah, maka majoriti rakyatnya adalah dalam kalangan penganut Syiah. Sekiranya sebuah negara Ahli Sunah Waljamaah pengamalan fiqhnya berdasarkan mazhab tertentu sama ada Maliki, Hanafi, Syafie dan Hanbali, maka majoriti rakyatnya akan mengikut pengamalan mazhab-mazhab tersebut. Inilah kepentingan pegangan rasmi bagi sesebuah kerajaan kerana pegangan hidup rakyat secara umumnya adalah berdasarkan pada agama, gaya atau cara hidup pemimpin atau negaranya”*.

Sambungan petikan dalam buku tersebut: *“Realitinya, inilah yang telah berlaku atau dilaksanakan oleh setiap kerajaan demi memelihara keamanan, keharmonian dan kesejahteraan sesebuah negara. Penetapan pegangan dan pengamalan rasmi agama adalah penting bagi sesebuah negara. Dalam konteks Malaysia, kerajaan melalui Majlis Fatwa Kebangsaan, Jabatan Mufti dan Jabatan Agama setiap negeri berperanan menjaga kesucian pengamalan agama Islam dengan penetapan bahawa akidah rasmi negara ini adalah berdasarkan akidah Ahli Sunah Waljamaah; ikutan fatwa atau mazhab Imam Abu Al-Hassan Al-Ash‘ari, fiqhnya berdasarkan fatwa atau mazhab Imam Muhammad Bin Idris Al-Syafi‘i dan tasawufnya berdasarkan fatwa atau ikutan Imam Junaid Al-Baghdadi dan Iman Abu Hamid Al-Ghazali. Penentuan sebegini memberi kebaikan yang amat signifikan dari sudut kefahaman serta pengamalan masyarakat seterusnya kepada keamanan serta keharmonian negara.”*

Sebagai rumusannya, memandangkan Ahli Sunah Waljamaah telah terbukti berjaya memelihara akidah dan mengekalkan perpaduan umat Islam, maka metodologi dan prinsip yang dikemukakannya perlu terus diperkukuhkan terutamanya dalam menghadapi cabaran semasa yang sangat membimbangkan. Antara cabaran semasa yang sedang melanda pemikiran umat Islam pada hari ini adalah ancaman ekstremisme. Malaysia juga tidak terkecuali daripada menerima ancaman ekstremisme tersebut, sebagaimana yang dilaporkan oleh pihak berkuasa dan media tempatan. Untuk menanganinya secara berkesan, perlu diketahui terlebih dahulu mengenai sejarah ekstremisme yang terdapat dalam dunia Islam.

## **SEJARAH EKSTREMISME (*TAKFIR*) DALAM DUNIA ISLAM**

Ekstremisme atau radikalisme secara umumnya bermaksud sebuah fahaman atau ideologi yang membawa kepada perlakuan ekstrem, radikal, melampau atau ganas (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015: 383), *al-tatarruf*. Dalam konteks sejarah umat Islam, ekstremisme berlaku dalam dua bentuk iaitu ekstremisme dari sudut perbuatan (*al-ifrat*) dan ekstremisme dari sudut pemikiran (*al-tafrit*). Aliran seperti Khawarij mewakili kutub *al-ifrat* dan aliran seperti Mu'tazilah mewakili kutub *al-tafrit*. Namun dalam makalah ini, fokus perbincangan adalah berkaitan ekstremisme perbuatan yang melahirkan aksi-aksi keganasan seperti pembunuhan secara kejam, memusnahkan harta benda dan sebagainya lagi.

Ekstremisme ini bermula semenjak zaman awal Islam lagi dengan perbuatan bermudah-mudahan mengkafirkan orang Islam lain (*takfir*) yang dilakukan oleh golongan Khawarij dan Shi'ah. Cuma fokus di sini kepada Khawarij kerana penyelewengan Shi'ah telah diketahui umum, di samping ideologi kumpulan radikal terkini seperti ISIS mempunyai kesinambungan secara khusus dengan Khawarij. Secara rasminya, kemunculan Khawarij berpunca daripada perselisihan berkaitan isu kepimpinan dalam memilih khalifah selepas kewafatan Rasulullah SAW. Perselisihan ini memuncak pada zaman 'Ali RA menjadi khalifah keempat sehingga berlaku beberapa siri peperangan (al-Ash'ari, 1990: 1/49-64).

Paling menonjol adalah peperangan Siffin antara tentera ‘Ali RA dengan tentera Mu‘awiyah RA. Namun peristiwa *tahkim* yang berlaku antara ‘Ali RA dengan Mu‘awiyah RA menyebabkan pengikutnya berpecah kepada dua kumpulan. Satu kumpulan bersetuju dengan ‘Ali RA dan satu kumpulan lagi tidak bersetuju. Melalui beberapa tempoh, kumpulan yang tidak bersetuju bertindak meninggalkan ‘Ali RA dan kemudiannya berkembang menjadi Khawarij. Manakala kumpulan yang bersetuju terus bersama ‘Ali RA dan kemudiannya berkembang menjadi Shi’ah (al-Ash‘ari, 1990: 1/49-64). Perlu dicatatkan juga bahawa ‘Ali RA menolak kedua-dua kelompok tersebut yang bersifat melampau.

Dalam peperangan itu, golongan Khawarij-lah yang mendesak ‘Ali RA menerima majlis *tahkim*. Tetapi setelah keputusan *tahkim* didapati tidak seperti apa yang diharapkan, mereka bertindak keluar daripada kumpulan ‘Ali RA. Mereka menuntut agar ‘Ali RA bertaubat kerana menerima *tahkim* yang dianggap suatu dosa besar bahkan menjadi kafir. Mereka juga mencaci-maki ‘Ali RA dan ‘Uthman RA dan menuduh para pengikut keduanya adalah musyrik. Malah mereka turut mengkritik ucapan dan solat ‘Ali RA. Melalui slogan “*tiada hukum kecuali hukum Allah*”, mereka mula memerangi ‘Ali RA dan kaum Muslimin yang tidak sependapat dengan mereka (Abu Zahrah, 1996: 58-60).

Tindakan ini menunjukkan bahawa Khawarij juga merupakan aliran terawal yang memulakan idea *al-Hakimiyyah* dalam pemikiran Islam. Menurut Abu Zahrah (1996: 58-60), Khawarij berhujah menggunakan zahir al-Quran dan hadis semata-mata, tanpa kefahaman yang betul, namun mereka meyakini bahawa itulah sebenarnya agama Islam yang suci, yang tidak boleh dilanggari oleh sesiapa pun. Maka sesiapa yang tidak sependapat dengan mereka akan dihukum sebagai kafir. Oleh itu, mereka tidak teragak-agak menghalalkan darah orang Muslim yang dikafirkan termasuklah melalui peperangan. Mereka lebih bersikap lemah-lembut dengan orang kafir, sebaliknya keras dengan sesama Muslim.

Sebenarnya tanda-tanda awal kemunculan Khawarij telah berlaku semenjak zaman Rasulullah SAW masih hidup lagi, iaitu berdasarkan kisah Dhu al-Khuwaisirah daripada Bani Tamim yang menuduh Rasulullah SAW

tidak berlaku adil dalam pembahagian harta rampasan perang (al-Bukhari (3610), 2005: 2/502). Justeru, dalam hadis yang lain, Rasulullah SAW turut menjelaskan tentang sifat-sifat atau ciri-ciri Khawarij ini dan mengingatkan seluruh umat Islam agar menjauhi dan menentang mereka, kerana Khawarij membawa kerosakan serta penyelewengan dalam agama Islam dengan pendekatan mereka yang ekstrem. Berikut beberapa hadis yang berkaitan dengan Khawarij yang bermaksud:

*“Mereka adalah seburuk-buruk orang yang dibunuh di bawah naungan langit, dan sebaik-baik mangsa pembunuhan di bawah naungan langit adalah orang yang dibunuh oleh mereka iaitu anjing-anjing neraka (Khawarij). Sesungguhnya mereka dahulunya adalah kaum Muslimin kemudian menjadi orang-orang kafir.”* (Ibn Majah (176), T.th: 1/62)

*“Sesungguhnya akan datang selepas ini satu kaum yang membaca al-Quran namun tidak melebihi kerongkong mereka. Mereka keluar dari agama (Islam) seperti keluarnya anak panah dari busurnya. Mereka membunuh orang Islam dan membiarkan penyembah berhala. Jika aku mendapati mereka, nescaya aku akan bunuh mereka seperti dibunuh (diazab) kaum ‘Ad.”* (al-Bukhari (3344), 2015: 2/430-431; Muslim (1064), 2008: 284).

*“Akan datang pada akhir zaman satu kaum yang masih muda dan bodoh, mereka bertutur daripada sebaik-baik perkataan (iaitu al-Quran dan hadis). Mereka keluar dari Islam seperti mana anak panah keluar dari busurnya. Keimanan mereka tidak melebihi kerongkong mereka. Di mana saja kalian menjumpai mereka maka perangilah mereka. Sesiapa yang memerangi mereka maka akan mendapat pahala di hari kiamat.”* (al-Bukhari (3611), 2005: 2/502).

Melalui tempoh yang panjang, sekalipun aliran dengan nama Khawarij telah tiada, namun pemikiran mereka dihidupkan kembali dengan jenama yang lain. Contohnya ISIS yang didapati terpengaruh dengan aliran Salafi-Wahabi telah menggunakan pendekatan *takfir* secara melampau bagi membenarkan tindakan mereka berjihad membunuh sesiapa sahaja yang dianggap musuh Islam (Muhammad Rashidi et. al., 2020: 153-170). Secara tepatnya, pemikiran *takfir* ini adalah berpunca daripada metode akidah Salafi-Wahabi yang

menjadi pegangan mereka iaitu Tauhid Tiga (tauhid *al-Rububiyah*, tauhid *al-Uluhiyyah* dan tauhid *al-Asma' wa al-Sifat*) (Syed Hadzrullathfi & Muhammad Rashidi, 2012: 55-84).

Disebabkan itu, jika diteliti sejarah kemunculan Salafi-Wahabi, didapati mereka meluaskan pengaruh melalui kerjasama politik dan peperangan dengan alasan untuk memerangi bidaah dan menegakkan sunnah. Mereka telah menyerang dan membunuh ramai umat Islam yang tidak sealiran dengan mereka, termasuklah para ulama yang menentang gerakan dan pemikiran mereka (Ibn Humaid, 1989: 275). Salafi-Wahabi turut menghukum perkara *khilafiyah* sebagai bidaah, sesat serta syirik, kerana ia dikatakan sebagai satu bentuk penyembahan atau peribadatan kepada selain daripada Allah SWT dan penambahan terhadap perkara baharu sehingga merosakkan kesucian agama Islam.

Lanjutan itu, muncul beberapa kumpulan ekstrem membawa pemikiran *takfir* dalam umat Islam berasaskan Khawarij dan Salafi-Wahabi seperti *Jama'ah al-Takfir wa la-Hijrah* (atau dikenali juga sebagai *Jama'ah al-Muslimin*) sekitar tahun 1960-an hingga 1970-an. Ciri-ciri mereka bahawa *al-Takfir* bererti mengkafirkan masyarakat umum yang dianggap sebagai masyarakat jahiliah dan *al-Hijrah* bermaksud berhijrah daripada masyarakat jahiliah ke tempat lain bagi menegakkan Islam. Pemikiran ini muncul disebabkan oleh tekanan dari kerajaan Mesir terhadap gerakan Islam yang dikatakan sebagai jalur keras sehingga menimbulkan persoalan adakah kerajaan Mesir adalah Islam? (Razali, Syed Hadzrullathfi & Engku Ibrahim, 2012: 45-51).

Dalam konteks semasa, pemikiran ekstrem ini datang secara lebih melampau dan tersusun dengan kemunculan pelbagai kumpulan pengganas di beberapa negara Islam, dan yang paling masyhur adalah seperti ISIS. Mereka telah menggunakan kembali pemikiran Khawarij dan Salafi-Wahabi, kemudian mempraktikkannya melalui ideologi: Tauhid Tiga - tauhid *al-Wala' wa al-Bara'* - tauhid *al-Hakimiyyah* - *takfir*. Ideologi ini seterusnya digabungkan dengan konsep jihad *qital* (perang dan bunuh) yang dirasakan benar oleh mereka. Disebabkan itu, ideologi ISIS dikenali sebagai Salafi

Jihadi (Muhammad Rashidi et. al., 2021: 339-404). Dalam erti kata lain, sesiapa yang dihukum kafir oleh ISIS maka darah mereka halal ditumpahkan.

## **PENDEKATAN *WASATIYYAH* MENDEPANI EKSTREMISME**

Pendekatan *wasatiyyah* yang dikemukakan ini penting untuk diketengahkan dalam mendepani pelbagai aliran pemikiran menyeleweng yang ekstrem. Para ulama Ahli Sunah Waljamaah terbukti berjaya memelihara akidah umat Islam dengan manhaj tersebut sehingga agama Islam terus berkembang pesat. Justeru, tradisi pendekatan *wasatiyyah* ini perlu dimanfaatkan sebaik yang mungkin pada zaman moden kini ketika berinteraksi dengan cabaran semasa yang ditimbulkan oleh golongan literal-radikal dengan sifat eksklusif dan golongan liberal dengan sifat inklusif. Kedua-dua golongan ini telah memberikan kekeliruan terhadap umat Islam sama ada dengan dakwaan untuk memelihara keaslian agama Islam atau bagi menjadikan Islam itu progresif agar sentiasa relevan dengan tuntutan semasa (Ahmad Bazli & Muhammad Rashidi, 2022: 172-184).

Perkataan *wasatiyyah* merujuk kepada *al-'adl* (keadilan), *al-fadl* (kebijaksanaan), *al-khairiyyah* (kebaikan) dan *al-tawassut* (pertengahan) di antara dua pihak. *Wasatiyyah* merupakan pertengahan antara *al-ifrat* (terbuka/liberal) dan *al-tafrit* (jumud/literal) ('Abd al-Hayy 'Adhb 'Abd al-'Al, 2018: 115). Firman Allah SWT yang bermaksud: "*Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil (ummah wasatan), supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu.*" (al-Baqarah (2): 143).

Disebabkan pentingnya *wasatiyyah* dalam agama Islam, para ulama Ahli Sunah Waljamaah semenjak zaman silam lagi telah mengambil peranan untuk mengetengahkan perkara ini kepada seluruh umat Islam. Antara contohnya sebagaimana yang dilakukan oleh Imam al-Ghazali melalui bukunya yang terkenal *al-Iqtisad fi al-'Iqtiqad*. Melalui buku ini, Imam al-Ghazali membawakan pegangan Ahli Sunah Waljamaah yang bersifat

*wasatiyyah* dengan menolak kedua-dua kutub ekstrem sama ada *al-ifrat* atau *al-tafrit*. Buku ini cukup berpengaruh dalam kalangan umat Islam termasuklah di Alam Melayu, apabila para ulama menjadikannya sebagai rujukan wajib dalam bidang akidah sama ada melalui penulisan mahupun pengajaran mereka. Hasil daripada pemikiran seperti inilah yang melahirkan sikap *wasatiyyah* kepada umat Islam, termasuklah di Malaysia, sehingga kini.

Dalam konteks semasa, bagi menegaskan kepentingan pendekatan *wasatiyyah* dalam mendepani ekstremisme, pada tahun 2014 dalam Seminar Antarabangsa Al-Azhar bagi Mendepani Pemikiran Ekstremisme dan Teroris, Sheikh al-Azhar iaitu Prof. Dr. Ahmad al-Tayyib (2018: 75) menyatakan dalam makalahnya Bahaya Takfir (*Khuturah al-Takfir*), bahawa aliran Asha'irah dan Maturidiyyah merupakan aliran yang dipegang oleh majoriti umat Islam. Namun terdapat pihak yang menuduhnya sebagai sesat, menyeleweng dan seumpamanya sedangkan majoriti umat Islam adalah Ahli Sunah Waljamaah. Beliau menyeru umat Islam agar kembali kepada mazhab majoriti umat Islam yang terdiri daripada Asha'irah, Maturidiyyah dan Ahli Hadis yang betul, yang mana antara cirinya adalah tidak mudah mengkafirkan umat Islam iaitu *wasatiyyah*.

Menurut Ahmad al-Tayyib (2018: 74-75) lagi, antara sebab Ahli Sunah Waljamaah tidak mudah mengkafirkan umat Islam kerana mereka berpegang bahawa definisi iman itu adalah membenarkan dengan hati, manakala amalan berperanan untuk menambahkan atau mengurangkan iman semata-mata dan ia bukan menghilangkan terus iman jika seseorang itu tidak beramal. Imam hanya akan hilang yang menatijahkan kekufuran jika ia mengingkari salah satu daripada enam rukun iman atau mengingkari perkara yang dimaklumi kewajibannya dalam agama (*ma 'ulima min al-din bi al-darurah*). Ini berbeza dengan golongan yang bercanggah dengan Ahli Sunah Waljamaah yang berpandangan bahawa amalan itu adalah hakikat keimanan, maka jika sesiapa yang tidak beramal maka ia adalah kafir lantas membuka ruang untuk melakukan pembunuhan dan rampasan harta atas sangkaan ia telah murtad.

Pendekatan *wasatiyyah* menurut Ahli Sunah Waljamaah dalam isu *takfir* adalah perlu ditekankan kepada umat Islam bagi menghadapi golongan ekstrem yang mudah mengkafirkan orang lain seperti yang digariskan iaitu:

- a) Hukum asal seorang Islam adalah kekal keislamannya sehingga terbukti dengan yakin hal ini terbatal.
- b) Ahli Sunah Waljamaah tidak mengkafirkan orang Islam yang melakukan maksiat.
- c) Kekufuran berlaku disebabkan pendustaan dan keingkaran terhadap ajaran Nabi SAW selagi ia tidak berkaitan dengan perkara ijihad.
- d) Kekufuran tidak dilabelkan kepada individu tertentu secara khusus disebabkan wujudnya halangan seperti kejahilan dan keingkaran hanya pada hati yang tidak diketahui melainkan Allah SWT (Razali Musa & Mohd Fauzi Hamat, 2019: 229-236).

Selain itu, Abu Bakar ibn ‘Abd Allah Sa‘dawi (2018: 152-153) dalam makalahnya pada seminar yang sama (Seminar Antarabangsa Al-Azhar bagi Mendepani Pemikiran Ekstremisme dan Teroris) memberi cadangan agar Al-Azhar mengadakan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak dalam menangani isu ekstremisme. Ini kerana, golongan radikal telah menggunakan medium media sosial secara meluas sebagai alat menyebarkan propaganda mereka dengan membawa pendekatan ekstrem seperti mengeluarkan seseorang Muslim dari agama Islam atau mengkafirkan umat Islam yang berasal dari sikap pembidaahan (*al-tabdi‘*), penyesatan (*al-tadlil*) dan pemfasikan (*al-tafsiq*). Justeru, beliau meringkaskan dua perkara untuk menyelesaikan masalah ekstremisme ini iaitu:

- a) Mengubati penyakit hati (*mu‘alajah al-nafs*). Sikap melampau (*al-ghuluw*) tidak diragui lagi ia terhasil dari seseorang yang tiada pembersihan jiwa (*tazkiyyah al-nafs*) atau mempunyai masalah hati. Pembersihan jiwa merupakan asal bagi segala kebaikan dan antara yang perlu dibersihkan dari jiwa adalah hawa nafsu dan kejahilan agar mereka berpegang dengan ajaran Islam yang sebenar berasaskan Ahli Sunah Waljamaah.
- b) Berdasarkan *athar* yang masyhur yang mana sebahagian ulama menyandarkannya kepada Saidina Umar RA atau Saidina Uthman RA,

bermaksud: “*Sesungguhnya Allah SWT mengatur (mencegah) dengan kekuasaan kerajaan (al-sultan) apa-apa yang tidak dicegah dengan al-Quran*” atau “*Sesuatu yang berjaya dicegah oleh kerajaan (al-imam) lebih banyak berbanding yang dicegah oleh al-Quran*”. Boleh difahami bahawa, ungkapan ini merujuk kepada undang-undang sangat penting kerana ada sebahagian pihak yang masih melakukan kemungkaran meskipun membaca dan mendengar al-Quran disebabkan tidak menghayatinya dengan baik. Namun kemungkaran itu mungkin masih boleh dihindari dengan undang-undang kerajaan yang dikuatkuasakan dengan jalan paksaan secara rasmi.

Selain pencegahan melalui undang-undang, antara langkah lain yang boleh digunakan untuk mendepani isu ekstremisme khususnya di Malaysia ialah melalui penganjuran program kesedaran seperti seminar, forum dan sebagainya, termasuklah penjelasan melalui media arus perdana. Namun demikian, menurut Mohd Fauzi (2016: 83-84), tindakan proaktif bersifat jangka panjang menerusi proses pengilmuan masyarakat secara menyeluruh adalah lebih berkesan. Pihak berwajib perlu menyampaikan kepada masyarakat Islam satu binaan pemikiran yang komprehensif (*al-bina' al-fikri al-mutakamil*) menerusi pendidikan sama ada secara formal mahupun informal. Semua silibus pengajian agama mesti berteraskan Ahli Sunah Waljamaah agar pemikiran ekstrem dapat ditangani dari akarnya lagi.

## **FATWA BERKAITAN EKSTREMISME DI MALAYSIA**

Memandangkan ideologi yang dipegang oleh ISIS ini sangat berbahaya, pihak Kerajaan telah mengeluarkan Kertas Putih ke Arah Menangani Ancaman Kumpulan Islamic State (2014) bagi menunjukkan komitmen Kerajaan terhadap ancaman ekstremisme. Malah pada waktu ini juga Kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedang membangunkan *National Action Plan for Preventing and Countering Violent Extremism (NAPPCVE)* bagi menyusun langkah strategik dan menyeluruh dalam mencegah dan menangani fahaman pelampau keganasan di Malaysia. Dalam konteks pentadbiran agama Islam, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-106 yang bersidang pada 21-22 Oktober 2014

telah membincangkan Isu Umat Islam Malaysia Yang Berjuang Atas Nama ISIS dan membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah meneliti laporan penyelidikan yang telah diperakukan oleh Panel Pakar Akidah JAKIM dan kertas kerja yang disediakan serta meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah mendapati bahawa:
  - i. Islamic State of Iraq and Syria (ISIS) atau Islamic State of Iraq and Levant (ISIL) merupakan rentetan dari gerakan Salafi Jihadi di Iraq yang pada asalnya terdiri dari tiga organisasi jihad yang berbeza: iaitu Ansar al-Islam yang terdiri dari kelompok Salafi Jihadi warga Iraq yang membentuk kawasan 'pemerintahan Islam' mereka yang tersendiri dan mengamalkan kehidupan Islami ortodoks dan radikal, keduanya, kumpulan Mujahidin berasal dari Jordan di bumi Iraq yang mengisytiharkan diri mereka sebagai 'Jamaah al-Tawhid wa al-Jihad' di bawah pimpinan Abu Mus'ab al-Zarqawi yang berhijrah ke Iraq untuk melancarkan jihad memerangi pendudukan tentera Amerika Syarikat ke atas bumi Iraq, dan juga kumpulan mujahidin al-Qaeda yang berhijrah dari Afghanistan, akibat serangan Amerika Syarikat ke atas bumi Afghanistan selepas peristiwa 11 September 2001M.
  - ii. Kebanyakan para ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah di seluruh dunia telah mengingatkan umat Islam agar tidak terpengaruh dengan kumpulan ISIS atau ISIL ini kerana ideologi keganasan dan sikap mereka yang mengkafirkan orang yang tidak sehaluan dengan mereka dan menghalalkan darah mereka. Mereka membunuh rakyat tidak berdosa dan menghalau golongan Kristian dan Yazidi dengan penuh kezaliman. Para Ulama Ahli Sunnah di seluruh dunia melabelkan ISIS atau ISIL ini sebagai Khawarij di zaman moden dan Juhum Ulama Ahli Sunnah bersepakat mengenai kesesatan dan juga penyelewengan golongan ini dan memperingatkan umat Islam

agar tidak terpedaya dengan segala propaganda ISIS atau ISIL ini.

2. Sehubungan itu, berdasarkan fakta-fakta yang telah dikemukakan dan selaras dengan nas-nas syarak, Muzakarah berpandangan bahawa kecenderungan dan keghairahan umat Islam untuk berjihad atas nama ISIS atau ISIL di bumi Syria adalah berpunca daripada kekeliruan dalam memahami konsep jihad dan mati syahid yang sebenar menurut Hukum Syarak. Seruan jihad dan mati syahid yang dipegang oleh mereka adalah bercanggah dengan Islam dan boleh membawa kepada kekufuran kerana mereka menghalalkan darah sesama umat Islam.
3. Oleh itu, Muzakarah menegaskan bahawa tindakan umat Islam dari Malaysia yang telah ataupun yang ingin berjuang atas nama jihad di bumi Syria bagi menyokong golongan ISIS atau ISIL adalah sia-sia kerana perjuangan mereka tidak tergolong sebagai jihad dan kematian mereka juga tidak dikategorikan sebagai syahid menurut kerangka Hukum Syarak.
4. Muzakarah menasihatkan seluruh umat Islam di Malaysia supaya menginsafi diri dan tidak mudah terpengaruh atau terjebak dengan keganasan dan propaganda perjuangan kumpulan ISIS atau ISIL ini (<http://www.e-fatwa.gov.my>).

Selain fatwa ISIS di peringkat persekutuan tersebut, beberapa negeri turut memfatwakan danewartakan perkara sama. Selangor contohnya telah memperincikan lagi fatwa ISIS dengan menyenaraikan elemen-elemen yang bertentangan dengan ajaran Islam berteraskan Ahli Sunah Waljamaah sebagaimana berikut:

- (a) Membunuh manusia secara kejam dengan menyembelih, mengebom, menembak, meletupkan, melemaskan serta membakar tahanan hidup-hidup;
- (b) Menyerang dan membunuh rakyat yang tidak bersalah yang tidak menyertai perjuangan mereka;

- (c) Merogol wanita-wanita yang ditawan kerana dianggap sebagai hamba tawanan perang;
- (d) Memusnahkan rumah-rumah ibadat agama-agama lain dan perkuburan yang dianggap sebagai bida'ah dan khurafat pada pandangan mereka;
- (e) Membunuh orang-orang awam tanpa mengira agama, keturunan, usia termasuk orang dewasa, wanita dan kanak-kanak yang tidak sehaluan dengan fahaman mereka demi mencapai cita-cita politik dan matlamat ketenteraan mereka;
- (f) Menegakkan Daulah IS menggunakan kaedah jihad qital (perang) dan keganasan;
- (g) Mendakwa sesiapa yang tidak menyertai jihad dalam bentuk yang mereka fahami telah melakukan dosa besar dan bukan Muslim yang sebenarnya;
- (h) Menuduh umat Islam yang mengamalkan sistem demokrasi dan terlibat dalam pilihan raya dan kepartian sebagai taghut, munafik atau kafir;
- (i) Menghalalkan darah orang Islam yang menentang mereka kerana dianggap sebagai taghut, munafik atau kafir serta dituduh bersekutu dengan musuh Islam;
- (j) Meyakini bahawa negara-negara umat Islam selain Daulah IS yang mengamalkan sistem moden adalah negara kafir dan wajib diperangi;
- (k) Mengkafirkan pemerintah Islam yang tidak menegakkan hukum Syariah dalam sesebuah negara;
- (l) Menyempitkan dan menyalahafsirkan konsep jihad dengan melaksanakan jihad hujumi (serangan ofensif) sebagai satu-satunya cara untuk menegakkan Islam; dan
- (m) Mengisytiharkan Daulah IS yang mereka anggap sebagai negara Islam tanpa melalui proses yang benar bahkan tidak mendapat pengiktirafan ulama-ulama muktabar dunia.  
(<https://www.muftiselangor.gov.my>).

Ini bermaksud, ideologi yang menjadi pegangan kumpulan penganas ISIS adalah sangat berbahaya dan ditolak oleh para ulama Ahli Sunah Waljamaah. Bagi menangani ancaman ISIS secara lebih berkesan, pihak kerajaan perlu memastikan agar elemen-elemen yang boleh membawa kepada pemikiran ekstrem ini disekat daripada mempengaruhi umat Islam di Malaysia. Pada masa yang sama, penerangan mengenai bahaya ideologi ISIS perlu ditingkatkan lagi dari semasa ke semasa. Perkara ini penting bagi memastikan program deradikalisasi tidak hanya tertumpu kepada individu yang terlibat, tetapi ia juga memfokuskan strategi jangka panjang. Kegagalan menyekat ideologi ini akan mengakibatkan rakyat Malaysia yang kurang pengetahuannya akan terus menyokong kumpulan penganas sekalipun ia didatangkan dengan nama yang lain.

## KESIMPULAN

Ekstremisme merupakan ancaman yang sedang dihadapi oleh seluruh dunia, tidak terkecuali dunia Islam. Begitu juga di rantau Nusantara khususnya Malaysia, ekstremisme turut memberi ancaman yang besar kepada ketenteraman awam dan keselamatan negara. Dalam hal ini, para ulama Ahli Sunah Waljamaah telah membongkar akar masalah fahaman ekstrem tersebut yang mana antara puncanya adalah salah faham terhadap nas-nas al-Quran dan hadis, konsep iman, konsep bidaah, *takfir*, jihad, *khilafiyah* dan seumpamanya. Mereka mengulangi semula kesilapan golongan terdahulu seperti golongan Khawarij, kemudian Salafi-Wahabi, sehingga mereka memahami agama secara *al-tafrit* yakni ketat dan jumud. Ia menyebabkan mereka memandang orang Islam yang lain sebagai kafir dan murtad sehingga perlu dibunuh.

Antara pendekatan yang mesti sentiasa ditegaskan bagi mendepani golongan ekstrem ini adalah pendekatan *wasatiyyah*. Pendekatan itu merupakan tradisi yang telah wujud dalam aliran muktabar Ahli Sunah Waljamaah yang tidak mudah membidaahkan dan mengkafirkan umat Islam yang lain. Disebabkan itu, Malaysia perlu konsisten untuk berpegang; (a) dari segi akidah berpandukan kepada manhaj Asha'irah dan Maturidiyyah; (b) dari segi syariat berpandukan kepada mazhab Syafie, manakala tiga mazhab muktabar lain iaitu Hanafi, Maliki dan Hanbali boleh dirujuk dan digunakan

dalam menyelesaikan masalah tertentu; dan (c) dari segi tasawuf hendaklah berpegang dengan Imam al-Ghazali, manakala aliran tasawuf muktabar yang lain boleh diamalkan selagi ia tidak bertentangan aliran Ahli Sunah Waljamaah.

## RUJUKAN

- ‘Abd al-Hayy ‘Adhb ‘Abd al-‘Al. (2018). “Al-Tatarruf wa al-Ghuluw wa al-Wasatiyyah wa al-I’tidal wa Athar Dhalik ‘ala al-‘Shu’ub wa al-Mujtama’at,” dalam *al-Azhar fi Muwajahah al-Fikr al-Irhabi*. Nasir Muhammad Yahya (ed.). Qahirah: Dar al-Quds al-‘Arabi.
- Abdul Shukor Husin. (1998). *Ahli Sunah Waljamaah: Pemahaman Semula*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abu Bakar ibn ‘Abd Allah Sa’dawi. (2018). “Rahmah ‘Ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah bi al-Muslimin,” dalam *al-Azhar fi Muwajahah al-Fikr al-Irhabi*. Nasir Muhammad Yahya (ed.). Qahirah: Dar al-Quds al-‘Arabi.
- Abu Zahrah, Muhammad. (1996). *Tarikh al-Madhahib al-Islamiyyah*. Qahirah: Dar al-Fikr al-‘Arabi.
- Ahmad al-Tayyib. (2018). “Khuturah al-Takfir,” dalam *al-Azhar fi Muwajahah al-Fikr al-Irhabi*. Nasir Muhammad Yahya (ed.). Qahirah: Dar al-Quds al-‘Arabi.
- Ahmad Bazli Shafie & Muhammad Rashidi Wahab. (2022). “Pendekatan Liberal Terhadap Islam dan Percanggahannya dengan Manhaj Ahli Sunah Waljamaah,” *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(1). Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- al-Ash‘ari, Abi al-Hasan ‘Ali ibn Isma‘il. (1990). *Maqalat al-Islamiyyin wa Ikhtilaf al-Musallin*. Muhammad Muhy al-Din ‘Abd al-Hamid (ed.). Bayrut: Maktabah al-‘Asriyyah.
- al-Baghdadi, Abu Mansur ‘Abd al-Qahir ibn Tahir ibn Muhammad. (T.th). *Al-Farqu Bayna al-Firaq*. Muhammad Muhyi al-Din ‘Abd al-Hamid (ed.). Qahirah: Dar al-Tala’i’.

- al-Bukhari, Abi ‘Abd Allah Muhammad ibn Isma‘il ibn Ibrahim. (2005). *Sahih al-Bukhari*. Qahirah: Dar al-Fajr li Turath.
- al-Zabidi, al-Sayyid Muhammad ibn Muhammad al-Husaini. (1989). *It’haf al-Sadah al-Muttaqin*. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2015). *Kamus Dewan (Edisi Keempat)*. Noresah Baharom (ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Humaid, Muhammad ibn ‘Abd Allah ibn Humaid al-Hanbali al-Najdi. (1989). *Al-Suhub al-Wabilah ‘ala Dara’ih al-Hanabilah*. T.t.p: Maktabah al-Imam Ahmad.
- Ibn Kathir, Abi al-Fida’ Isma’il ibn ‘Umar ibn Kathir. (1999). *Tafsir al-Quran al-‘Azim*. Sami ibn Muhammad al-Salamah (ed.). Riyad: Dar Thaibah.
- Ibn Majah, Abu ‘Abd Allah Muhammad ibn Yazid. (T.th). *Sunan Ibn Majah*. Muhammad Fu’ad ‘Abd al-Baqi (ed.). Misr: Dar Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2015). *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Kementerian Dalam Negeri. (2019). *Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam*. Putrajaya: Kementerian Dalam Negeri.
- Kerajaan Malaysia. (2014). *Kertas Putih ke Arah Menangani Ancaman Kumpulan Islamic State*. Kertas Periman 76 Tahun 2014.
- Kerajaan Negeri Kelantan. (2008). *Undang-Undang Negeri Kelantan dan Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan*. Kelantan: Kerajaan Negeri Kelantan.

Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Negeri Selangor. *Fatwa Gerakan Militan Al-Dawla Al-Islamiya Fi Iraq Wa Al-Sham (Daesh), Atau Militan Islamic State In Iraq And Syams (ISIS), Atau Islamic State Of Iraq And The Levant (ISIL) Atau Militan Islamic State (IS)*. <https://www.muftiselangor.gov.my/awam/fatwa/fatwa-terkini/469-fatwa-gerakan-militan-al-dawla-al-islamiya-fi-iraq-wa-al-sham-daesh-atau-militan-islamic-state-in-iraq-and-syams-isis-atau-islamic-state-of-iraq-and-the-levant-isil-atau-militan-islamic-state-is>

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). (2015). *Ajaran Sesat: Merungkai Kekusutan & Kecelaruhan*. Shah Alam: Majlis Agama Islam Selangor.

Majlis Keselamatan Negara. (2021). *Dasar Keselamatan Negara 2021-2025*. Putrajaya: Majlis Keselamatan Negara.

Mohd Fauzi Hamat. (2016). "Menangani Ekstremisme menurut Pendekatan Ahlu Sunnah Wal Jama'ah," dalam *Prosiding Seminar Anti Ekstremisme Melalui Pendekatan Wasatiyyah*, 8-9 Ogos 2016. Kedah: Kolej Universiti Insaniah.

Mohd Hasrul Shuhari. (25 September 2020). "Benteng Halang Ekstremis," *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/addin/2020/09/624083/benteng-halang-ekstremis>

Muhammad Rashidi Wahab & Mohd Fauzi Hamat. (2018). "Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, Asha'irah dan al-Ash'ari: Satu Pengenalan," *Jurnal Penyelidikan Islam* 30. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Muhammad Rashidi Wahab, Mohd Hasrul Shuhari, Mohd Fauzi Hamat & Mohd Ridhuan Tee Abdullah. (2020). "Sejarah Ekstremisme Sehingga Kemunculan ISIS/DAESH," dalam *Liberalisme dan Ekstremisme: Wacana Pemikiran Kontemporari Islam*. Rahimah Embong et. al. (ed.). Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.

Muhammad Rashidi Wahab, Mohd Fauzi Hamat, Mohd Hizam Hanafiah, Ahmad El-Muhammady Muhammad Uthman El-Muhammady & Abdullaah Jalil. (2021). "Majalah DABIQ sebagai Medium Propaganda Pemikiran Tauhid Islamic State of Iraq and Sham (ISIS)," *AFKAR: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 23(2). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Muslim, Abi al-Husayn Muslim ibn al-Hajjaj. (2008). *Sahih Muslim*. Qahirah: Dar Ibn Hazm.

Portal Rasmi Fatwa Malaysia. (2014). *Isu Umat Islam Malaysia Yang Berjuang Atas Nama ISIS*. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/isu-umat-islam-malaysia-yang-berjuang-atas-nama-isis-0>

Razali Musa & Mohd Fauzi Hamat. (2019). "Pendekatan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dalam Isu Takfir," dalam *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah Menghadapi Cabaran Semasa*. Muhammad Rashidi Wahab dan Mohd Faizul Azmi (ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Razali Musa, Syed Hadzrullathfi Syed Omar & Engku Ibrahim Engku Wok Zin. (2012). "Unsur-Unsur Pemikiran Takfir dalam Jama'ah al-Takfir wa al-Hijrah," *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 5. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.

Syed Hadzrullathfi Syed Omar & Muhammad Rashidi Wahab. (2012). "Konsep Pengajian Tauhid Tiga: Satu Analisis," *Jurnal Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah: Jurnal Berwasit Antarabangsa* 2. Brunei: Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

The Royal Islamic Strategic Studies Centre. (2010). *The 500 Most Influential Muslims in The World 2010*. USA: Georgetown University.